

Amaran jangan peralat raja- raja

UM 28 SEP 1985

KUALA LUMPUR 27 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan golongan yang cuba memeralatkan raja-raja untuk kepentingan peribadi supaya memberhentikan kegiatan mereka sebelum pandangan rakyat terhadap raja-raja menjadi buruk.

Dalam apa yang disifatkannya sebagai nasihat dan amaran, Presiden UMNO itu berkata: "Kita tidak mahu sistem raja berperlembagaan disoal oleh rakyat."

"UMNO tidak mahu sistem raja berperlembagaan diancam dan dicabar semata-mata kerana kepentingan orang-orang yang tamak."

Ini, tegas beliau, adalah kerana UMNO sendiri menjunjung sistem tersebut.

Berucap di Perhimpunan Agung UMNO ke 36 di sini hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, walaupun sistem itu berjalan dengan baik dan ahli-ahli politik tidak cuba melibatkan raja-raja, malangnya sekarang ini ada pihak lain yang ingin menggunakan kedudukan raja-raja untuk kepentingan peribadi masing-masing.

Menurut beliau, golongan tersebut membuat rancangan - rancangan perniagaan yang memikat hati raja-raja dan cuba mendapat penyertaan raja-raja dalam perniagaan mereka.

"Bukan sahaja mereka berharap akan dapat mempengaruhi pihak berkuasa dengan cara ini, tetapi mereka boleh bersaing dengan jayanya dengan pengusaha - pengusaha lain, terutamanya pengusaha - pengusaha bumiputera," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir

memberitahu, kerajaan telah cuba merahsiakan kegiatan golongan tersebut untuk menjaga nama baik raja-raja," tetapi, sedikit sebanyak kegiatan - kegiatan menggunakan pengaruh raja-raja sudah sampai ke telinga rakyat."

"Sebelum pandangan rakyat menjadi buruk, saya ingin menasihatkan bahkan memberi amaran kepada golongan yang cuba memeralatkan raja-raja untuk kepentingan perniagaan mereka supaya memberhentikan kegiatan ini," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Katanya, kerajaan tidak akan melayan dan akan memandang serong sesiapa yang cuba mengancam dan mencabar sistem raja berperlembagaan.

Mereka yang cuba berbuat demikian akan disenarai-hitamkan dalam segala urusan perniagaan yang melibatkan kerajaan, tambahnya.

Di samping itu, katanya, kegiatan mereka juga akan didedah supaya rakyat tahu siapa yang cuba memburukkan sistem raja berperlembagaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, oleh kerana kerajaan menghormati raja-raja dan berperlembagaan melindungi mereka, orang-orang yang berkepentingan itu berpendapat mereka juga akan dilindungi oleh undang - undang jika mereka melibatkan raja-raja dalam kegiatan masing-masing.

Bahkan, kata beliau, ada juga yang berpendapat bahawa mereka boleh membelakangkan segala dasar dan matlamat kerajaan yang dipilih oleh rakyat jika mereka melibatkan raja-raja.

CU4